

Pulih selepas perubahan 27 DEC 1990 pucuk pimpinan

S. Harian (M)



Oleh RAHIME YUSOFF

KEJAYAAN skuad silat olahraga kebangsaan meraih tujuh pingat emas, enam perak dan dua gangsa pada Kejayaan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Merdeka, pada bulan penutup tirai musim '90 sebagai melengkapkan pencapaian terbaik.

Sebelum itu, skuad silat negara hampir tenggelam di awal musim '90 apabila mengutip dua pingat emas pada Pesta Merdeka Brunei, Mac lalu.

Bagaimanapun, pertukaran pucuk pimpinan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yang diambil alih oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib, mula memberi kesan positif terhadap kemajuannya.

Tan Sri Haji Muhammad memenangi jawatan Presiden Pesaka pada mesyuarat agung badan induk itu pada Julai lalu menewaskan Datuk Rahman Mahmud, tanpa pengundian apabila pencalonan bekas Presiden Pesaka itu tidak mendapat sokongan wakil negeri.



■ RUZAIDI ABDUL RAHMAN

Belum sempat Tan Sri Haji Muhammad mengkaji bentuk pembaharuan, beliau mula menghadapi tekanan soal kewangan Pesaka yang kekeurangan bagi menghantar skuad negara ke Kejayaan Silat Sedunia di Belanda.

Malaysia cuma menyenarai lapan pesilat. Namun tuah tetap berpihak apabila Ruzaidi Abdul Rahman dan Khairi Abdul Rahman berjaya memenangi pingat emas, manakala Ahmad Wardi Salim, Nazrah Latiff, Zaleha Suradi dan Zakaria Hamzah mengutip pingat perak.

Walaupun sekadar dua pingat emas dan empat perak dibawa pulang dari Belanda, ia adalah satu kejayaan bermakna. Saya akan pastikan silat terus berada di puncak kejayaan selepas ini — Tan Sri Haji Muhammad

Hanya Mazlan Shaari dan Wan Adnan Wan Isa gagal membawa pulang sebarang pingat.

Kejayaan di Belanda itu sekadar hadiah awal kepada Tan Sri Haji Muhammad selepas mengambil alih pimpinan Pesaka.

"Walaupun sekadar dua pingat emas dan empat perak dibawa pulang dari Belanda, ia adalah satu kejayaan bermakna. Saya akan pastikan silat terus berada di puncak kejayaan selepas ini," kata Tan Sri Haji Muhammad se-

waktu menyambut ketibaan pesilat dari Belanda, Oktober lalu.

Melangkah ke tahun baru 1991, cabaran akan lebih hebat lagi kerana beberapa negara rantau Asean dan Eropah turut meningkatkan pencapaian mereka untuk menguasai dunia persilatan.

Oleh itu, rancangan awal bagi memantapkan lagi struktur latihan amat perlu jika mahu menyaksikan kejayaan lebih cemerlang sepanjang musim depan terutama pada Sukan SEA '91 Manila.